



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH		
TARIKH	:	25/8/2021 (RABU)	MUKA SURAT	: 37
JABATAN	:	TNB		

TNB jual bon projek hidro Bajoli Holi di India

BH, 25 Ogos
2021_37

Tenaga Nasional Bhd (TNB), melalui anak syarikat milik penuhnya, TNB Topaz Energy Sdn Bhd (TNBTE), menjual semua 105.6 juta unit daripada pelaburan Peringkat 1 dalam debentur boleh tukar wajib (CCD) yang dikeluarkan oleh GMR Bajoli Holi Hydropower Private Ltd (GBHH) yang berpangkalan di India dengan nilai 1.176 bilion rupee India (RM67.04 juta).

TNB berkata, penjualan pelaburan CCD itu didorong oleh strategi untuk menyelaraskan portfolio antarabangsa, mengurangkan tumpuan terhadap India dan beralih usaha untuk meneruskan pertumbuhan dalam pasaran tumpuan TNB seperti United Kingdom, Eropah dan Asia Tenggara.

"Penjualan itu turut selaras dengan inisiatif TNB untuk mencari pilihan meraih tunai asetnya di India dan pasaran bukan tumpuan lain," menurut syarikat gergasi utiliti itu dalam makluman kepada Bursa Malaysia, semalam.

Pada 10 Disember 2018, TNBTE menandatangani perjanjian untuk melanggan CCD yang dikeluarkan oleh GBHH, anak syarikat GMR Energy Ltd, dengan nilai 2.256 bilion rupee (kira-kira RM133.2 juta). CCD itu, dengan tempoh 30 tahun, akan ditukar menjadi pegangan ekuiti sebanyak 30 peratus sebelum tempoh berakhir.

Pada 5 April 2019, TNBTE melanggan Peringkat 1 daripada pelaburan CCD dengan nilai 1.056 bilion rupee (RM62.36 juta).

BERNAMA